



Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2014

Estimates Of Federal Government's Revenue For 2014



Kementerian Kewangan Malaysia

Kertas Perintah 46 Tahun 2013

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**ANGGARAN HASIL
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2014**

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

KANDUNGAN
CONTENTS

**MUKA
SURAT**
PAGE

Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2014.....	1
Penjenisan Hasil.....	1
Semakan Semula Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2013.....	2
Hasil Cukai.....	
Cukai Langsung.....	3
Cukai Tidak Langsung.....	4
Hasil Bukan Cukai.....	6
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	6
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2014.....	7
Hasil Cukai.....	
Cukai Langsung.....	7
Cukai Tidak Langsung.....	8
Hasil Bukan Cukai.....	10
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	11
Lampiran A1-A3.....	12
 Treasury Memorandum On The Federal Government's Revenue Estimates For 2014.....	 21
Classification Of Revenue.....	21
Review Of Federal Government's Revenue For 2013.....	22
Tax Revenue.....	
Direct Taxes.....	23
Indirect Taxes.....	24
Non-Tax Revenue.....	26
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	26
Estimates Of Federal Government's Revenue For 2014.....	27
Tax Revenue.....	
Direct Taxes.....	27
Indirect Taxes.....	29
Non-Tax Revenue.....	30
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	31
Appendix A1-A3.....	32
 Pro-forma Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2013 <i>Pro-forma Balance Sheet As At 31 December 2013.....</i>	 41
 Ringkasan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2014 <i>Abstract Of The Federal Government's Revenue Estimates For 2014.....</i>	 45
 Butir-Butir Anggaran Hasil Tahun 2014 <i>Details Of Estimated Revenue For 2014.....</i>	 47
 Jumlah Hasil Selepas Langkah-Langkah Percukaian <i>Total Revenue After Tax Measures.....</i>	 141

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 dan semakan hasil bagi tahun 2013. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.
2. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2014 dianggarkan berjumlah **RM224,094** juta. Jumlah ini belum mengambil kira peningkatan hasil daripada langkah percukaian dalam Belanjawan 2014 yang dianggarkan sebanyak **RM150** juta. Butiran lanjut anggaran hasil bagi tahun 2014, anggaran asal dan disemak bagi tahun 2013 dan pungutan sebenar tahun 2012 masing-masing adalah seperti di **Lampiran A1 hingga A3**.

PENJENISAN HASIL

3. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada 4 kategori umum iaitu **Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Daripada Wilayah Persekutuan**.
4. *Hasil Cukai* dikelaskan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung. *Hasil Cukai Langsung* termasuklah hasil daripada:
 - a. cukai pendapatan (individu, syarikat, petroleum, pegangan dan koperasi);
 - b. duti setem;
 - c. cukai keuntungan harta tanah; dan
 - d. cukai aktiviti perniagaan Labuan.

Hasil Cukai Tidak Langsung pula termasuk hasil daripada duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi.

5. *Hasil Bukan Cukai* terdiri daripada:
 - a. lesen dan permit (merangkumi semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan termasuk royalti daripada petroleum dan lain-lain perusahaan bagi tujuan kawalan atau peraturan dan lesen kenderaan bermotor);
 - b. bayaran perkhidmatan (merangkumi terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam);
 - c. perolehan daripada jualan barang (merangkumi terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh Kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat, stor dan jualan barang pelbagai jenis untuk orang awam);
 - d. sewaan (merangkumi sewa tanah, sewa bangunan, sewa kenderaan dan sewa jentera);
 - e. faedah dan perolehan daripada pelaburan (merangkumi faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan, faedah bank, dividen yang diperoleh daripada bon atau saham dan perolehan daripada jualan pelaburan);
 - f. denda dan penalti; dan
 - g. sumbangan dan bayaran ganti rugi/pampasan daripada dalam dan luar negara.
6. *Terimaan Bukan Hasil* termasuk:
 - a. pulang balik perbelanjaan (merangkumi terimaan balik bayaran daripada tahun-tahun lepas, pulang balik gaji kerana perletakan jawatan dan pulang balik perbelanjaan latihan);
 - b. kredit antara jabatan (merangkumi pindahan dana di antara Kementerian atau Jabatan bagi perkhidmatan yang diberi di antara agensi Kerajaan);

- c. pulang balik bagi bayaran berlebihan atau kekhilafan bayaran dalam tahun fiskal yang lalu;
- d. bayaran balik seperti bayaran balik ke atas sumbangan Kerajaan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- e. sumbangan daripada jabatan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik Kerajaan.

7. Hasil daripada Wilayah Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium, cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

SEMAKAN SEMULA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2013

8. Hasil Kerajaan Persekutuan disemak bagi tahun 2013 dijangka bertambah sebanyak RM12,301 juta atau 6% kepada RM220,422 juta berbanding anggaran asal 2013 yang berjumlah RM208,121 juta, iaitu selepas mengambilkira langkah cukai. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan anggaran hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan yang masing-masing sebanyak RM4,881 juta, RM6,108 juta, RM943 juta dan RM369 juta.

9. Jumlah hasil disemak tahun 2013 dijangka meningkat sebanyak RM12,509 juta atau 6% kepada RM220,422 juta dibandingkan dengan kutipan sebenar tahun 2012 sebanyak RM207,913 juta. Peningkatan ini merangkumi hasil cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan masing-masing sebanyak RM11,863 juta, RM649 juta dan RM479 juta. Hasil cukai bagi tahun 2013 dijangka menyumbang sebanyak 74% kepada jumlah hasil sementara hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan sebanyak 26%. Penyumbang utama peningkatan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2013 adalah dijangka daripada:

- a. cukai pendapatan syarikat sebanyak RM2,763 juta;
- b. cukai pendapatan individu sebanyak RM2,292 juta;
- c. royalti petroleum sebanyak RM1,286 juta;
- d. penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan sebanyak RM4,200 juta; dan
- e. perolehan daripada jualan aset sebanyak RM853 juta.

10. Anggaran hasil disemak ini dipengaruhi oleh unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 4.5% - 5.0% dan unjuran purata harga minyak mentah (Tapis) sebanyak USD115.00 setong pada tahun 2013.

11. Ringkasan anggaran disemak berbanding anggaran asal tahun 2013 bagi hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Ringkasan Hasil Utama

Klasifikasi Hasil	2013 Anggaran Asal	2013 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	158,625	163,506	4,881	3
Hasil Bukan Cukai	48,320	54,428	6,108	13
Terimaan Bukan Hasil	583	1,526	943	162
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	593	962	369	62
JUMLAH HASIL	208,121	220,422	12,301	6

Cukai Langsung

12. Anggaran hasil cukai langsung disemak bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 2**. Hasil cukai langsung dijangka menyumbang sejumlah RM127,020 juta iaitu 78% daripada jumlah hasil cukai atau 58% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 2
Hasil Cukai Langsung

Sumber Hasil	2013 Anggaran Asal	2013 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
CUKAI PENDAPATAN	114,736	120,073	5,337	5
Individu	24,137	26,429	2,292	9
Syarikat	57,668	60,431	2,763	5
Petroleum	30,507	30,507	0	0
Pegangan	1,980	2,328	348	18
Koperasi	421	357	(64)	(15)
Lain-lain	23	21	(2)	(9)
LAIN-LAIN CUKAI LANGSUNG	6,688	6,947	259	4
Duit Setem	5,935	6,214	279	5
Cukai Keuntungan Harta Tanah	729	653	(76)	(10)
Lain-lain	24	80	56	233
CUKAI LANGSUNG	121,424	127,020	5,596	5

13. Bagi tahun 2013, anggaran hasil disemak ke atas *cukai pendapatan* dijangka mencapai RM120,073 juta, iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM114,736 juta dan 9% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM110,662 juta. Cukai pendapatan dijangka menyumbang 73% kepada hasil cukai yang mana komponen utama adalah cukai pendapatan syarikat sebanyak 37%, cukai pendapatan petroleum sebanyak 19% dan cukai pendapatan individu sebanyak 16%.

14. Anggaran hasil disemak bagi *cukai pendapatan syarikat* dijangka sebanyak RM60,431 juta iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran asal 2013 yang berjumlah RM57,668 juta dan 18% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM51,288 juta. Pertambahan ini selepas mengambilkira faktor berikut:

- a. jangkaan pertumbuhan KDNK pada kadar 4.5% - 5.0% bagi tahun 2013;
- b. syarikat membuat anggaran bayaran ansuran cukai bulanan yang lebih tinggi berbanding tahun 2012; dan
- c. peruntukan bayaran balik cukai menurun kepada RM7,000 juta berbanding RM8,003 juta pada tahun 2012.

15. *Cukai pendapatan individu* pula dijangka meningkat sebanyak 9% kepada RM26,429 juta berbanding anggaran asal tahun 2013 yang berjumlah RM24,137 juta dan 15% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM22,977 juta. Antara faktor yang menyumbang kepada kenaikan hasil daripada cukai pendapatan individu adalah pengemaskinian potongan cukai melalui Potongan Cukai Bulanan (PCB) oleh majikan.

16. Hasil daripada *cukai pendapatan petroleum* dijangka tidak berubah berbanding anggaran asal sebanyak RM30,507 juta. Walau bagaimanapun, anggaran disemak cukai pendapatan petroleum menurun sebanyak 10% berbanding pungutan sebenar tahun 2012 sebanyak RM33,934 juta. Penurunan ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) sebanyak USD115.00 setong bagi tahun 2013 berbanding USD118.58 setong pada tahun 2012; dan
- b. syarikat petroleum membuat semakan anggaran bayaran ansuran bulanan yang lebih rendah berbanding tahun 2012.

Lain-lain Cukai Langsung

17. Hasil *lain-lain cukai langsung* yang terdiri daripada duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain cukai dijangka meningkat kepada RM6,947 juta bagi tahun 2013. Jumlah tersebut adalah 4% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM6,688 juta dan 11% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2012 berjumlah RM6,275 juta. Peningkatan ini berpunca daripada pertumbuhan positif sektor hartanah, pasaran saham dan sektor insurans. Peningkatan ini turut disumbangkan oleh kesan peningkatan kadar cukai keuntungan harta tanah yang diumumkan di dalam Belanjawan 2013.

Cukai Tidak Langsung

18. Anggaran hasil disemak bagi *cukai tidak langsung* bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 3**. Hasil cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM36,486 juta, iaitu 22% daripada jumlah hasil cukai dan 17% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 3

Hasil Cukai Tidak Langsung

Sumber Hasil	2013 Anggaran Asal	2013 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,512	2,099	(413)	(16)
Duti Import	2,358	2,417	59	3
Duti Eksais	12,782	12,728	(54)	0
Cukai Jualan	9,645	10,199	554	6
Cukai Perkhidmatan	6,507	6,161	(346)	(5)
Levi	623	150	(473)	(76)
Lain-lain	2,774	2,732	(42)	(2)
CUKAI TIDAK LANGSUNG	37,201	36,486	(715)	(2)

Duti Eksport

19. Bagi tahun 2013, hasil disemak *duti eksport* dijangka berjumlah RM2,099 juta, iaitu 16% lebih rendah daripada anggaran asal bagi tahun 2013 yang berjumlah RM2,512 juta. Walau bagaimanapun, anggaran duti eksport ini 7% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM1,968 juta. Peningkatan ini disumbangkan oleh anggaran kuantiti eksport minyak mentah yang lebih tinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak 12.68 juta tan berbanding 11.86 juta tan pada tahun 2012 .

Duti Import dan Duti Eksais

20. Hasil disemak *duti import* bagi tahun 2013 dijangka berjumlah RM2,417 juta, iaitu 3% lebih tinggi berbanding anggaran asal 2013 yang berjumlah RM2,358 juta dan 6% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM2,282 juta. Hasil *duti eksais* untuk tahun 2013 dijangka menurun sebanyak RM54 juta kepada RM12,728 juta berbanding anggaran asal yang berjumlah RM12,782 juta, tetapi 4% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM12,187 juta. Peningkatan anggaran disemak ke atas duti eksais berbanding pungutan sebenar 2012 adalah disebabkan oleh peningkatan permintaan ke atas kenderaan.

21. Hasil daripada duti import ke atas *kenderaan CKD dan CBU* dijangka menurun 39% kepada RM480 juta berbanding anggaran asal 2013 berjumlah RM792 juta dan 36% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM754 juta. Penurunan tersebut disebabkan oleh impak *Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement* ke atas kadar duti import bagi beberapa jenis kenderaan yang diimport daripada Jepun dan pengecualian duti import ke atas kenderaan hibrid. Hasil duti eksais ke atas kenderaan dijangka menurun 1% kepada RM7,308 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM7,407 juta, tetapi 3% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM7,085 juta. Anggaran disemak kutipan duti eksais ke atas kenderaan dijangka meningkat berikutan peningkatan permintaan ke atas kenderaan penumpang sebanyak 4.6% bagi tempoh Januari hingga Jun 2013 berbanding tempoh yang sama pada tahun 2012.

22. Hasil disemak duti import ke atas *minuman keras dan malt* dijangka berjumlah RM57 juta, iaitu 32% lebih rendah berbanding dengan anggaran asal 2013 sebanyak RM84 juta dan 28% lebih rendah daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM79 juta. Manakala hasil daripada duti eksais ke atas barangan yang sama dianggarkan berjumlah RM1,483 juta, iaitu 5% lebih rendah daripada anggaran asal 2013 yang berjumlah RM1,565 juta tetapi 5% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM1,417 juta.

23. Hasil duti import ke atas *tembakau, rokok dan cerut* pula dijangka meningkat dengan mendadak sebanyak 329% kepada RM133 juta pada tahun 2013 berbanding anggaran asal sebanyak RM31 juta dan 280% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM35 juta. Manakala hasil disemak tahun 2013 bagi duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka berjumlah RM3,486 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran asal yang berjumlah RM3,403 juta dan 6% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM3,281 juta.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

24. Anggaran hasil *cukai jualan* disemak dijangka meningkat kepada RM10,199 juta, iaitu 6% lebih tinggi daripada anggaran asal 2013 berjumlah RM9,645 juta dan 7% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM9,496 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kutipan cukai jualan ke atas kenderaan penumpang. Kutipan cukai jualan ke atas kenderaan penumpang dijangka menyumbang sebanyak 32% kepada keseluruhan kutipan cukai jualan.

25. Hasil disemak *cukai perkhidmatan* dijangka menurun kepada RM6,161 juta, iaitu 5% lebih rendah daripada anggaran asal 2013 berjumlah RM6,507 juta, tetapi meningkat 10% berbanding kutipan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM5,583 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan penggunaan perkhidmatan bercukai.

Levi

26. Hasil disemak *levi* dijangka menurun sebanyak 76% kepada RM150 juta berbanding anggaran asal 2013 berjumlah RM623 juta dan 73% lebih rendah daripada kutipan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM552 juta. Penurunan dalam anggaran disemak bagi levi berbanding kutipan sebenar tahun 2012 adalah disebabkan oleh jangkaan harga purata minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah iaitu RM2,300 satu tan metrik pada tahun 2013. Harga tersebut adalah lebih rendah daripada paras *threshold* iaitu RM2,500 satu tan metrik berbanding purata harga CPO sebenar RM2,764 satu tan metrik pada tahun 2012.

Lain-lain Cukai Tidak Langsung

27. Hasil dari *lain-lain cukai tidak langsung* bagi tahun 2013 dijangka berjumlah RM2,732 juta, iaitu menurun sebanyak 2% daripada anggaran asal 2013 yang berjumlah RM2,774 juta, tetapi 4% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM2,638 juta.

Hasil Bukan Cukai

28. Anggaran *hasil bukan cukai* bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 4**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sebanyak 25% kepada hasil Kerajaan Persekutuan iaitu sebanyak RM54,428 juta. Jumlah ini adalah 13% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM48,320 juta tetapi 1% lebih rendah daripada kutipan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM54,909 juta. Peningkatan anggaran hasil bukan cukai berbanding anggaran asal 2013 adalah disebabkan oleh hasil disemak bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* yang dijangka meningkat kepada RM35,062 juta, iaitu 12% lebih tinggi daripada anggaran asal 2013 yang berjumlah RM31,274 juta. Walau bagaimanapun, anggaran hasil disemak bagi komponen yang sama menurun sebanyak 5% daripada kutipan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM36,736 juta. Hasil yang diterima daripada faedah dan perolehan daripada pelaburan dalam tahun 2013 termasuk:

- a. dividen daripada PETRONAS sebanyak RM27,000 juta;
- b. penssekuritan pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan sebanyak RM4,200 juta;
- c. dividen daripada Bank Negara Malaysia sebanyak RM1,500 juta; dan
- d. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM850 juta.

Jadual 4

Hasil Bukan Cukai

Sumber Hasil	2013 Anggaran Asal	2013 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	11,370	13,468	2,098	18
Bayaran Perkhidmatan	1,356	1,224	(132)	(10)
Perolehan dari Jualan Barang	667	1,520	853	128
Sewaan	155	230	75	48
Faedah & Perolehan Pelaburan	31,274	35,062	3,788	12
Denda dan Penalti	2,182	1,047	(1,135)	(52)
Lain-lain	1,316	1,877	561	43
HASIL BUKAN CUKAI	48,320	54,428	6,108	13

Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

29. Hasil disemak 2013 bagi *terimaan bukan hasil* dijangka meningkat dengan mendadak sebanyak 162% kepada RM1,526 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM583 juta, tetapi 74% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM877 juta. Peningkatan anggaran hasil disemak bagi terimaan bukan hasil bagi tahun 2013 berbanding anggaran asal tahun 2013 adalah disumbangkan oleh terimaan balik bayaran tahun-tahun lalu, pulangan balik Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi penjawat

awam yang menduduki rumah Kerajaan dan wang tak dituntut. *Hasil dari Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM962 juta, iaitu 62% lebih tinggi berbanding dengan anggaran asal 2013 yang berjumlah RM593 juta dan 99% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2012 yang berjumlah RM483 juta. Peningkatan anggaran hasil disemak bagi hasil daripada Wilayah Persekutuan berbanding anggaran asal bagi tahun 2013 adalah disumbangkan oleh peningkatan kutipan ke atas premium dan cukai tanah serta jualan aset.

ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2014

30. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2014, sebelum mengambil kira perubahan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan 2014, dianggarkan berjumlah RM224,094 juta, iaitu 2% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM220,422 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. unjuran pertumbuhan KDNK antara 5.0% - 5.5%; dan
- b. akaun premium sebanyak RM1,500 juta.

31. Bagi tahun 2014, hasil *cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM133,148 juta atau 59% daripada jumlah keseluruhan hasil manakala *cukai tidak langsung* pula dijangka berjumlah RM38,822 juta atau 17% daripada jumlah keseluruhan hasil. Ini bermakna jumlah hasil cukai adalah dijangka menyumbang sebanyak RM171,970 juta atau 76% daripada hasil Kerajaan Persekutuan. Sumbangan *hasil bukan cukai* dianggarkan berjumlah RM50,627 juta atau 23% daripada keseluruhan hasil manakala bakinya yang berjumlah RM1,497 juta atau 1% merupakan *terimaan bukan hasil* dan *hasil daripada Wilayah Persekutuan*. Ringkasan komponen utama hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 5**. Perbandingan anggaran hasil tahun 2014 dengan anggaran disemak 2013 adalah seperti di **Lampiran A3**.

Jadual 5

Ringkasan Komponen Utama Hasil

Klasifikasi Hasil	2013 Anggaran Disemak	2014 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	163,506	171,970	8,464	5
Hasil Bukan Cukai	54,428	50,627	(3,801)	(7)
Terimaan Bukan Hasil	1,526	852	(674)	(44)
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	962	645	(317)	(33)
JUMLAH HASIL	220,422	224,094	3,672	2

Cukai Langsung

32. Anggaran hasil *cukai langsung* bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 6**. Hasil *cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM133,148 juta iaitu 77% daripada jumlah hasil cukai atau 59% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 6

Hasil Cukai Langsung

Sumber Hasil	2013 Anggaran Disemak	2014 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
CUKAI PENDAPATAN	120,073	125,664	5,591	5
Individu	26,429	28,746	2,317	9
Syarikat	60,431	65,729	5,298	9
Petroleum	30,507	28,275	(2,232)	(7)
Pegangan	2,328	2,524	196	8
Koperasi	357	370	13	4
Lain-lain	21	20	(1)	(5)
LAIN-LAIN CUKAILANGSUNG	6,947	7,484	537	8
Duti Setem	6,214	6,693	479	8
Cukai Keuntungan Harta Tanah	653	703	50	8
Lain-lain	80	88	8	10
CUKAI LANGSUNG	127,020	133,148	6,128	5

33. Anggaran *cukai pendapatan* bagi tahun 2014 dijangka berjumlah RM125,664 juta, iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 berjumlah RM120,073 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan jangkaan pertumbuhan KDNK antara 5.0% - 5.5% pada tahun 2014.

34. Anggaran *cukai pendapatan syarikat* bagi tahun 2014 dijangka berjumlah RM65,729 juta, iaitu 9% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM60,431 juta selepas mengambilkira peruntukan pulangbalik cukai sebanyak RM7,000 juta bagi tahun 2014. *Cukai pendapatan individu* dianggarkan meningkat kepada RM28,746 juta atau 9% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2013 yang berjumlah RM26,429 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK antara 5.0% - 5.5% dalam tahun 2014 serta hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah penguatkuasaan dan pengauditan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri serta pematuhan yang lebih tinggi di kalangan pembayar cukai.

35. Anggaran *cukai pendapatan petroleum* bagi tahun 2014 pula dijangka menurun sebanyak 7% kepada RM28,275 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM30,507 juta. Anggaran hasil bagi tahun 2014 yang lebih rendah adalah disebabkan jangkaan penurunan purata harga minyak mentah (Tapis) daripada USD115.00 setong pada tahun 2013 kepada USD110.00 setong pada tahun 2014.

Lain-lain Cukai Langsung

36. Hasil daripada duti setem dijangka menyumbang sebanyak RM6,693 juta pada tahun 2014. Jumlah ini adalah 8% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2013 yang berjumlah RM6,214 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan kesan positif ke atas sektor hartanah, pasaran saham dan sektor insurans selaras dengan unjuran pertumbuhan KDNK antara 5.0% - 5.5% dalam tahun 2014.

Cukai Tidak Langsung

37. Anggaran hasil *cukai tidak langsung* bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 7**. Hasil cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM38,822 juta, iaitu 23% daripada jumlah hasil cukai atau 17% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 7

Hasil Cukai Tidak Langsung

Sumber Hasil	2013 Anggaran Disemak	2014 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,099	2,105	6	0
Duti Import	2,417	2,502	85	4
Duti Eksais	12,728	13,442	714	6
Cukai Jualan	10,199	10,986	787	8
Cukai Perkhidmatan	6,161	6,810	649	11
Levi	150	150	0	0
Lain-lain	2,732	2,827	95	3
CUKAI TIDAK LANGSUNG	36,486	38,822	2,336	6

Duti Eksport

38. Hasil daripada *duti eksport* ke atas komoditi dijangka sebanyak RM2,105 juta, iaitu meningkat sebanyak RM6 juta daripada anggaran disemak 2013 yang berjumlah RM2,099 juta. Hasil daripada duti eksport ke atas minyak mentah dijangka meningkat RM5 juta kepada RM1,943 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM1,938 juta. Jangkaan ini berdasarkan unjuran kuantiti ekport minyak mentah yang lebih tinggi dalam tahun 2014 iaitu 13.29 juta tan berbanding 12.68 juta tan pada tahun 2013.

Duti Import dan Duti Eksais

39. Hasil daripada *duti import* dalam tahun 2014 dijangka meningkat kepada RM2,502 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM2,417 juta ekoran jangkaan peningkatan permintaan ke atas kenderaan, rokok dan minuman keras. Hasil daripada duti eksais bagi tahun 2014 pula dijangka meningkat 6% kepada RM13,442 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM12,728 juta. Jangkaan kenaikan kutipan duti eksais ini berikutan peningkatan permintaan minuman keras dan kenderaan penumpang.

40. Kutipan duti import bagi *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat sebanyak 4% kepada RM497 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM480 juta. Di samping itu, duti eksais ke atas kenderaan pula dijangka meningkat 6% kepada RM7,718 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM7,308 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh jangkaan peningkatan permintaan ke atas kenderaan penumpang selari dengan unjuran oleh *Malaysian Automotive Association* sebanyak 2.1% pada tahun 2014.

41. Hasil daripada duti import ke atas minuman keras dan malt dijangka meningkat sebanyak 4% kepada RM59 juta berbanding anggaran disemak 2013 yang berjumlah RM57 juta. Manakala hasil daripada duti eksais ke atas barangan yang sama bagi tahun 2014 dianggarkan 6% lebih tinggi iaitu berjumlah RM1,566 juta berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM1,483 juta. Hasil daripada duti import ke atas tembakau, cerut dan rokok juga dijangka meningkat sebanyak 4% kepada RM138 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM133 juta. Anggaran duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka mencapai RM3,682 juta, iaitu 6% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM3,486 juta.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

42. Hasil bagi cukai jualan dijangka meningkat kepada RM10,986 juta, iaitu 8% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM10,199 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan permintaan ke atas kenderaan.

43. Hasil daripada *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat sebanyak 11% kepada RM6,810 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM6,161 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan unjuran pertumbuhan KDNK antara 5.0% - 5.5% pada tahun 2014.

Levi

44. Bagi tahun 2014, dijangkakan tiada kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit berdasarkan unjuran purata harga CPO sebanyak RM2,300 satu tan metrik adalah di bawah paras *threshold*. Manakala levi kenderaan barang dijangka menyumbang sebanyak RM150 juta, iaitu 1% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM148 juta.

Lain-lain Cukai Tidak Langsung

45. Hasil daripada *lain-lain cukai tidak langsung* pada tahun 2014 dijangka berjumlah RM2,827 juta, iaitu 3% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2013 yang berjumlah RM2,732 juta.

Hasil Bukan Cukai

46. Anggaran bagi *hasil bukan cukai* bagi tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 8**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sebanyak RM50,627 juta atau 23% daripada jumlah hasil keseluruhan. Jumlah ini adalah 7% lebih rendah daripada anggaran disemak tahun 2013 sebanyak RM54,428 juta.

Jadual 8

Hasil Bukan Cukai

Sumber Hasil	2013 Anggaran Disemak	2014 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	13,468	13,149	(319)	(2)
Bayaran Perkhidmatan	1,224	1,233	9	1
Perolehan dari Jualan Barang	1,520	913	(607)	(40)
Sewaan	230	233	3	1
Faedah & Perolehan Pelaburan	35,062	32,065	(2,997)	(9)
Denda dan Penalti	1,047	1,064	17	2
Lain-lain	1,877	1,970	93	5
HASIL BUKAN CUKAI	54,428	50,627	(3,801)	(7)

47. Anggaran hasil bagi tahun 2014 untuk *lesen dan permit* adalah dijangka sebanyak RM13,149 juta, iaitu 2% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 sebanyak RM13,468 juta. Penurunan ini disebabkan oleh jangkaan royalti petroleum yang lebih rendah dalam tahun 2014 berikutan unjuran purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih rendah iaitu USD110.00 setong berbanding USD115.00 setong pada tahun 2013. Anggaran hasil 2014 bagi *perolehan dari jualan barang* dijangka sebanyak RM913 juta iaitu 40% lebih rendah daripada anggaran disemak 2013 yang berjumlah RM1,520 juta. Manakala anggaran hasil 2014 bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* dijangka sebanyak RM32,065 juta, iaitu 9% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM35,062 juta. Penurunan ini adalah disebabkan

oleh penurunan dividen daripada Khazanah Nasional Berhad kepada RM500 juta dan tiada lagi pensekuritian pinjaman perumahan kakitangan Kerajaan. Walau bagaimanapun, dividen daripada PETRONAS dan Bank Negara Malaysia dijangka kekal sebanyak RM27,000 juta dan RM1,500 juta masing-masing pada tahun 2014.

Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

48. Bagi tahun 2014, jumlah *terimaan bukan hasil* dianggarkan sebanyak RM852 juta, iaitu menurun 44% berbanding anggaran disemak bagi tahun 2013 berjumlah RM1,526 juta. Penurunan ini disebabkan oleh anggaran penurunan terimaan balik bayaran tahun-tahun lalu, pulang balik Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi penjawat awam yang menduduki rumah Kerajaan dan wang tak dituntut. *Hasil daripada Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM645 juta, 33% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2013 yang berjumlah RM962 juta. Penurunan ini disebabkan jangkaan pengurangan jualan aset berbanding tahun 2013.

Perbendaharaan Persekutuan
Kementerian Kewangan Malaysia
Oktober 2013

LAMPIRAN A1

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2013 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
BELANJAWAN TAHUN 2013
(Selepas perubahan cukai)**

		2013 Anggaran Asal		2013 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	158,625	76	163,506	74	4,881	3
	CUKAI LANGSUNG	121,424	58	127,020	58	5,596	5
1.1	CUKAI PENDAPATAN	114,736	55	120,073	54	5,337	5
	Cukai Pendapatan Individu	24,137	12	26,429	12	2,292	9
	Cukai Pendapatan Syarikat	57,668	28	60,431	27	2,763	5
	Cukai Pendapatan Petroleum	30,507	15	30,507	14	0	0
	Cukai Pegangan	1,980	1	2,328	1	348	18
	Cukai Pendapatan Koperasi	421	0	357	0	(64)	(15)
	Lain-Lain	23	0	21	0	(2)	(9)
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	6,688	3	6,947	3	259	4
	Duti Setem	5,935	3	6,214	3	279	5
	Cukai Keuntungan Harta Tanah	729	0	653	0	(76)	(10)
	Lain-Lain	24	0	80	0	56	233
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	37,201	18	36,486	17	(715)	(2)
1.3	DUTI EKSPORT	2,512	1	2,099	1	(413)	(16)
	Minyak Mentah	2,411	1	1,938	1	(473)	(20)
	Kelapa Sawit	88	0	147	0	59	67
	Lain-lain	13	0	14	0	1	8
1.4	DUTI IMPORT	2,358	1	2,417	1	59	3
	Minuman Keras dan Malt	84	0	57	0	(27)	(32)
	Tembakau, Rokok & Cerut	31	0	133	0	102	329
	Kenderaan CKD dan CBU	792	0	480	0	(312)	(39)
	Lain-lain	1,451	1	1,747	1	297	20
1.5	DUTI EKSAIS	12,782	6	12,728	6	(54)	(0)
	Minuman Keras dan Malt	1,565	1	1,483	1	(82)	(5)
	Tembakau, Rokok & Cerut	3,403	2	3,486	2	83	2
	Kenderaan	7,407	4	7,308	3	(99)	(1)
	Lain-lain	407	0	451	0	44	11

LAMPIRAN A1 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2013 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
BELANJAWAN TAHUN 2013 - (Samb.)
(Selepas perubahan cukai)**

		2013 Anggaran Asal		2013 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	9,645	5	10,199	5	554	6
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	6,507	3	6,161	3	(346)	(5)
1.8	LEVI	623	0	150	0	(473)	(76)
	Buah Kelapa Sawit	450	0	2	0	(448)	100
	Kenderaan Barang	173	0	148	0	(25)	(14)
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,774	1	2,732	1	(42)	(2)
2	HASIL BUKAN CUKAI	48,320	23	54,428	25	6,108	13
2.1	LESEN DAN PERMIT	11,370	5	13,468	6	2,098	18
	Royalti petroleum	4,901	2	6,187,3	3	1,286	26
	Lesen Kenderaan Motor	2,341	1	2,335	1	(6)	(0)
	Levi Pekerja Asing	2,212	1	2,623	1	411	19
	Lain-lain	1,916	1	2,323	1	407	21
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,356	1	1,224	1	(132)	(10)
2.3	PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	667	0	1,520	1	853	128
2.4	SEWAAN	155	0	230	0	75	48
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	31,274	15	35,062	16	3,788	12
	Dividen PETRONAS	27,000	13	27,000	12	0	0
	Dividen Bank Negara	2,000	1	1,500	1	(500)	(25)
	Dividen Khazanah	500	0	850	0	350	70
	Lain-lain	1,774	1	5,712	3	3,938	222
2.6	DENDA DAN PENALTI	2,182	1	1,047	0	(1,135)	(52)
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,316	1	1,877	1	561	43
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	583	0	1,526	1	943	162
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	593	0	962	0	369	62
JUMLAH HASIL		208,121	100	220,422	100	12,301	6

LAMPIRAN A2

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2013 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN
SEBENAR TAHUN 2012**

		2012 Penerimaan Sebenar		2013 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	151,643	73	163,506	74	11,863	8
	CUKAI LANGSUNG	116,937	56	127,020	58	10,083	9
1.1	CUKAI PENDAPATAN	110,662	53	120,073	54	9,411	9
	Cukai Pendapatan Individu	22,977	11	26,429	12	3,452	15
	Cukai Pendapatan Syarikat	51,288	25	60,431	27	9,143	18
	Cukai Pendapatan Petroleum	33,934	16	30,507	14	(3,427)	(10)
	Cukai Pegangan	2,097	1	2,328	1	231	11
	Cukai Pendapatan Koperasi	345	0	357	0	12	3
	Lain-Lain	21	0	21	0	0	0
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	6,275	3	6,947	3	672	11
	Duti Setem	5,595	3	6,214	3	619	11
	Cukai Keuntungan Harta Tanah	608	0	653	0	45	7
	Lain-Lain	72	0	80	0	8	11
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	34,706	17	36,486	17	1,780	5
1.3	DUTI EKSPORT	1,968	1	2,099	1	131	7
	Minyak Mentah	1,928	1	1,938	1	10	1
	Kelapa Sawit	34	0	147	0	113	332
	Lain-lain	6	0	14	0	8	133
1.4	DUTI IMPORT	2,282	1	2,417	1	135	6
	Minuman Keras dan Malt	79	0	57	0	(22)	(28)
	Tembakau, Rokok & Cerut	35	0	133	0	98	280
	Kenderaan CKD dan CBU	754	0	480	0	(274)	(36)
	Lain-lain	1,414	1	1,747	1	333	24
1.5	DUTI EKSAIS	12,187	6	12,728	6	541	4
	Minuman Keras dan Malt	1,417	1	1,483	1	66	5
	Tembakau, Rokok & Cerut	3,281	2	3,486	2	205	6
	Kenderaan	7,085	3	7,308	3	223	3
	Lain-lain	404	0	451	0	47	12

LAMPIRAN A2 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2013 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN
SEBENAR TAHUN 2012 - (Samb.)**

		2012 Penerimaan Sebenar		2013 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	9,496	5	10,119	5	703	7
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	5,583	3	6,161	3	578	10
1.8	LEVI	552	0	150	0	(420)	(73)
	Buah Kelapa Sawit	388	0	2	0	(386)	(99)
	Kenderaan Barang	164	0	148	0	(16)	(10)
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,638	1	2,732	1	94	4
2	HASIL BUKAN CUKAI	54,909	26	54,428	25	(481)	(1)
2.1	LESEN DAN PERMIT	13,570	7	13,468	6	(102)	(1)
	Royalti petroleum	6,423	3	6,187	3	(236)	(4)
	Lesen Kenderaan Motor	2,283	1	2,335	1	52	2
	Levi Pekerja Asing	2,618	1	2,623	1	5	0
	Lain-lain	2,246	1	2,323	1	77	3
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,218	1	1,224	1	6	0
2.3	PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	637	0	1,520	1	883	139
2.4	SEWAAN	177	0	230	0	53	30
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	36,736	18	35,062	16	(1,674)	(5)
	Dividen PETRONAS	26,260	13	27,000	12	740	3
	Dividen Bank Negara	2,000	1	1,500	1	(500)	(25)
	Dividen Khazanah	3,000	1	850	0	(2,150)	(72)
	Lain-lain	5,476	3	5,712	3	236	4
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,007	0	1,047	0	40	4
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,564	1	1,877	1	313	20
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	877	0	1,526	1	649	74
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	483	0	962	0	479	99
JUMLAH HASIL		207,913	100	220,422	100	12,509	6

LAMPIRAN A3

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2014 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
DISEMAK TAHUN 2013**

		2013 Anggaran Disemak		2014 Anggaran Belanjawan		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	163,506	74	171,970	77	8,464	5
	CUKAI LANGSUNG	127,020	58	133,148	59	6,128	5
1.1	CUKAI PENDAPATAN	120,073	54	125,664	56	5,591	5
	Cukai Pendapatan Individu	26,429	12	28,746	13	2,317	9
	Cukai Pendapatan Syarikat	60,431	27	65,729	29	5,298	9
	Cukai Pendapatan Petroleum	30,507	14	28,275	13	(2,232)	(7)
	Cukai Pegangan	2,328	1	2,524	1	196	8
	Cukai Pendapatan Koperasi	357	0	370	0	13	4
	Lain-Lain	21	0	20	0	(1)	(5)
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	6,947	3	7,484	3	537	8
	Duti Setem	6,214	3	6,693	3	479	8
	Cukai Keuntungan Harta Tanah	653	0	703	0	50	8
	Lain-Lain	80	0	88	0	8	10
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	36,486	17	38,822	17	2,336	6
1.3	DUTI EKSPORT	2,099	1	2,105	1	6	0
	Minyak Mentah	1,938	1	1,943	1	5	0
	Kelapa Sawit	147	0	150	0	3	2
	Lain-lain	14	0	12	0	(2)	(14)
1.4	DUTI IMPORT	2,417	1	2,502	1	85	4
	Minuman Keras dan Malt	57	0	59	0	2	4
	Tembakau, Rokok & Cerut	133	0	138	0	5	4
	Kenderaan CKD dan CBU	480	0	497	0	17	4
	Lain-lain	1,747	1	1,808	1	61	3
1.5	DUTI EKSAIS	12,728	6	13,442	6	714	6
	Minuman Keras dan Malt	1,483	1	1,566	1	83	6
	Tembakau, Rokok & Cerut	3,486	2	3,682	2	196	6
	Kenderaan	7,308	3	7,718	3	410	6
	Lain-lain	451	0	476	0	25	6

LAMPIRAN A3 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2014 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
DISEMAK TAHUN 2013 - (Samb.)**

		2013 Anggaran Disemak		2014 Anggaran Belanjawan		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	10,199	5	10,986	5	787	8
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	6,161	3	6,810	3	649	11
1.8	LEVI	150	0	150	0	0	0
	Buah Kelapa Sawit	2	0	0	0	(2)	(100)
	Kenderaan Barang	148	0	150	0	2	1
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,732	1	2,827	1	95	3
2	HASIL BUKAN CUKAI	54,428	25	50,627	23	(3,801)	(7)
2.1	LESEN DAN PERMIT	13,468	6	13,149	6	(319)	(2)
	Royalti petroleum	6,187	3	5,705	3	(482)	(8)
	Lesen Kenderaan Motor	2,335	1	2,417	1	82	4
	Levi Pekerja Asing	2,623	1	2,623	1	0	0
	Lain-lain	2,323	1	2,404	1	81	3
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,224	1	1,233	1	9	1
2.3	PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	1,520	1	913	0	(607)	(40)
2.4	SEWAAN	230	0	233	0	3	1
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	35,062	16	32,065	14	(2,997)	(9)
	Dividen PETRONAS	27,000	12	27,000	12	0	0
	Dividen Bank Negara	1,500	1	1,500	1	0	0
	Dividen Khazanah	850	3	500	1	(350)	(41)
	Lain-lain	5,712	3	3,065	1	(2,647)	(46)
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,047	0	1,064	0	17	2
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,877	1	1,970	1	93	5
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	1,526	1	852	0	(674)	(44)
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	962	0	645	0	(317)	(33)
JUMLAH HASIL		220,422	100	224,094	100	3,672	2

***ESTIMATES OF FEDERAL
GOVERNMENT'S REVENUE
FOR 2014***

**MINISTRY OF FINANCE
MALAYSIA**

TREASURY MEMORANDUM ON THE FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE ESTIMATES FOR 2014

1. This Memorandum explains the revenue estimates of the Federal Government for 2014 and the revised revenue for 2013. The Memorandum is prepared in accordance with Article 99 of the Federal Constitution.
2. The Federal Government's total revenue for 2014 is estimated at **RM224,094** million. This has not taken into account the increase in revenue arising from the tax measures introduced in the 2014 Budget that is estimated at **RM150** million. Detailed estimates of the revenue for 2014, the revised and original estimates for 2013 and the actual collection for 2012 are in **Appendix A1 to A3**, respectively.

CLASSIFICATION OF REVENUE

3. The Federal Government's revenue is classified into 4 general categories, namely **Tax Revenue**, **Non-Tax Revenue**, **Non-Revenue Receipts** and **Revenue from Federal Territories**.

4. *Tax Revenue* is classified into Direct Tax Revenue and Indirect Tax Revenue. *Direct Tax Revenue* includes revenue from:

- a. income tax (individual, company, petroleum, withholding and cooperative);
- b. stamp duty;
- c. real property gains tax; and
- d. Labuan business activity tax.

Indirect Tax Revenue includes revenue from export duties, import duties, excise duties, sales tax, service tax and levies.

5. *Non-Tax Revenue* consists of:

- a. licenses and permits (inclusive of all charges imposed on the granting of rights to individuals, corporations, businesses including petroleum royalty, and other enterprises for purpose of regulation or control, and motor vehicle licenses);
- b. service fees (inclusive of receipts from services rendered by the Federal Government to the public);
- c. proceeds from sales of goods (inclusive of receipts from the sales of physical assets owned by the Government including lands, buildings, office equipment, storage facilities and the sale of miscellaneous goods to the public);
- d. rentals (inclusive of rentals from land, buildings, vehicles and machineries);
- e. interests and proceeds from investments (inclusive of interests on loans granted by the Government, bank interests, dividends earned from bonds or shares, and proceeds from sale of investments);
- f. fines and penalties; and
- g. contributions and compensations received from home and abroad.

6. *Non-Revenue Receipts* include:

- a. refunds of expenditures (inclusive of payments in previous years and refunds of salaries arising from resignations and training expenses);
- b. inter-departmental credits (inclusive of transfer of funds between Ministries or Departments for services rendered between Government agencies);
- c. refunds of overpayment or erroneous payments in the previous fiscal year;

- d. reimbursements such as reimbursements of the Government's contributions under the Employees Provident Fund Scheme; and
- e. contributions from Government departments, statutory bodies or Government owned enterprises.

7. Revenue from the Federal Territories consists of tax and non-tax revenue including receipts from licenses and permits, premiums, quit rent, sale of assets, rentals, service fees and entertainment duties.

REVIEW OF FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE FOR 2013

8. The revised total Federal Government's revenue for 2013 is expected to increase by RM12,301 million or 6% to RM220,422 million compared to the 2013 original estimate of RM208,121 million, after taking into account the tax measures. This is a result of increase in the estimate of tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and revenue from Federal Territories by RM4,881 million, RM6,108 million, RM943 million and RM369 million, respectively.

9. The revised total revenue in 2013 is expected to increase by RM12,509 million or 6% to RM220,422 million compared to the actual revenue collected in 2012 at RM207,913 million. The increase comprises of tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue by RM11,863 million, RM649 million and RM479 million, respectively. Tax revenue for 2013 is expected to contribute 74% to the total revenue while non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories' revenue contribute 26%. The main contributors to the increase in the Federal Government's revenue in 2013 are expected from:

- a. company income tax by RM2,763 million;
- b. personal income tax by RM2,292 million;
- c. petroleum royalty by RM1,286 million;
- d. securitisation of Government employees' housing loans at RM4,200 million; and
- e. proceeds from sales of assets by RM853 million.

10. The revised estimates are influenced by the forecasted Gross Domestic Production (GDP) at the range of 4.5% – 5.0% and average crude oil price (Tapis) at USD115.00 per barrel in 2013.

11. A summary of the revised estimates compared to original estimates for 2013 for tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories' revenue is in **Table 1**.

Table 1

Summary of Main Components of Revenue

Revenue Classification	2013 Original Estimate	2013 Revised Estimate	Change	Percentage of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
Tax Revenue	158,625	163,506	4,881	3
Non-Tax Revenue	48,320	54,428	6,108	13
Non-Revenue Receipts	583	1,526	943	162
Federal Territories Revenue	593	962	369	62
TOTAL REVENUE	208,121	220,422	12,301	6

Direct Taxes

12. The revised estimate for direct tax revenue for 2013 is provided in **Table 2**. *Direct Tax Revenue* is expected to contribute RM127,020 million, which is 78% of the tax revenue or 58% of the total revenue.

Table 2
Direct Tax Revenue

Source of Revenue	2013 Original Estimate	2013 Revised Estimate	Change	Percentage of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
INCOME TAXES	114,736	120,073	5,337	5
Individual	24,137	26,429	2,292	9
Company	57,668	60,431	2,763	5
Petroleum	30,507	30,507	0	0
Withholding	1,980	2,328	348	18
Cooperatives	421	357	(64)	(15)
Others	23	21	(2)	(9)
OTHER DIRECT TAXES	6,688	6,947	259	4
Stamp Duty	5,935	6,214	279	5
Real Property Gains Tax	729	653	(76)	(10)
Others	24	80	56	233
DIRECT TAXES	121,424	127,020	5,596	5

13. In 2013, the revised estimate for *income tax* is expected to be RM120,073 million, which is 5% higher than the original estimate of RM114,736 million and 9% higher than the actual collection of RM110,662 million in 2012. Income tax is expected to contribute 73% to total tax revenue of which the main components are 37% from company income tax, 19% from petroleum income tax and 16% from personal income tax.

14. The revised estimate for *company income tax* is expected at RM60,431 million, which is 5% higher than the 2013 original estimate of RM57,668 million and 18% higher than the actual collection of RM51,288 million in 2012. This increase is after taking into consideration the following factors:

- a. forecasted GDP growth at the range of 4.5% – 5.0% in 2013;
- b. higher estimated monthly tax installments by companies compared to 2012; and
- c. decrease in allocation for tax refunds to RM7,000 million compared to RM8,003 million in 2012.

15. *Individual income tax* is expected to increase by 9% to RM26,429 million compared to the original estimate of RM24,137 million in 2013 and 15% higher than the actual collection of RM22,977 million in 2012. Among the factors that contribute to the increase in personal income tax is updating of tax installments under the Monthly Tax Deduction (MTD) by employers.

16. Revenue from *petroleum income tax* is expected to remain unchanged compared to the original estimate of RM30,507 million. However, petroleum income tax revised estimate is expected to decrease by 10% compared to the actual collection of RM33,934 million in 2012. This decrease is due to the following factors:

- a. revised estimate of average crude oil price (Tapis) at USD115.00 per barrel compared to USD118.58 per barrel in 2012; and
- b. petroleum companies have revised downwards their estimated monthly tax installments compared to 2012.

Other Direct Taxes

